

# 马来语精读教材

第三册

Nama:

Tahun: Dua

Tarikh:

## Pelajaran 1

### DUNIA KAMI

Masa lampau telah pergi. Masa depan belum pasti lagi. Di tengah tiang yang kupanjat kini, aku kadang-kadang berasa berbelah bagi. Ke manakah aku akan menuju? Terus menetap di kota atau pulang ke kampung lagi?

Kenangan lampau tetap abadi. Di dunia, melalui alur tradisi yang manis, hidup kami senantiasa aman dan harmonis. Susah senang sama-sama dirasakan; kenduri-kendara sama-sama diramaikan; dan setiap kali pergi ke sawah tanah dikerjakan bergotong-royong tanpa mengenal penat dan lelah. Anak-anak kecil pula meniti batas mencari belalang untuk mengumpam keli dan haruan. Itulah dunia kami; ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni.

Di dunia kami, sepanjang sungai yang jernih dan dingin, tak terkatakan keriangan bermandi-manda dengan teman-teman sebaya, puas menyelam kami berkejaran, bermain pasir atau mencari siput dan lokan. Oh, duniaku, engkau telah berlalu dibawa waktu ke zaman lampau.

Apabila tidak ke sekolah, aku rajin mengikut ayah menghilir sungai, memasang jaring, menangkap patin, jelawat, dan limbat. Kadang-kadang rezeki menjadi murah, ikan-ikan terdampar di dinding jaring. Aku melompat keriangan, “ Ayah, jaring kita mengena, ayah. Ikan besar sudah masuk ” Manisnya dunia kami itu, kami rasakan berpanjangan.

Semakin kuat aku berkayuh di haluan semakin kuat ayah berdayung di buritan, badannya separuh bongkok ke depan, mengemudikan sampan meluncur ke depan.

Aku menoleh ke arah ayah. Kelihatan ayah tersenyum. Wajahnya berbunga harapan. Wajah itu sering menjadikan aku sayu. “ Kasihan ayah, kuat bekerja untuk menyara aku ke sekolah. Kasihan ayah, teruk mengharungi sungai supaya aku jadi orang pandai.”

“ Leh, belajar rajin-rajin, ya.”

Suara ayah sudah berlalu, terkambus dalam kenangan zaman yang sudah pergi, tetapi telingaku berdengung tidak membenarkan suara itu hilang daripadaku.

Keinginan untuk maju serta doa ayah itulah yang kurasakan membantu aku berjaya mengatasi kesulitan. Apabila menerima keputusan peperiksaan, aku berasa bagaikan berlari, merentasi desa tiada berhenti, termengah-

mengah oleh lelah bersusah payah. Alhamdulillah, aku sampai juga di garisan penamat rupanya, walaupun aku tak berjaya mendapat kelulusan yang cemerlang. “ Ini sahaja yang dapat kubawa pulang, ayah! ”

Sehelai ijazah Universiti Pertanian Malaysia kuterima untuk kutunjukkan kepada ayah. Memang ayah sudah berasa gembira dengan kejayaan itu. Beliau mengusap kepalaku. Kebetulan pada ketika itu ayah berbaring di katil kerana uzur.

Di perbaringannya, selama berminggu-minggu aku mencuba belajar berfikir sebagai orang dewasa. Hendak ke manakah aku? Hendak menjadi apa? Makan gaji atau berdikari?

(Diubahsuai dari daripada  
cerpen Baharuddin C.D. 1986, “ Di Dunia Itu ”  
dalam Alun Menggulung Perlahan,  
Petaling Jaya, Penerbit  
Fajar Bakti Sdn. Bhd.)

---

B. Senarai perkataan dan ungkapan

1. dunia:
2. berbelah bagi:
3. abadi:
4. alur tradisi:

5. harmonis:
6. manis
7. senantiasa:
8. susah senang sama-sama dirasakan:
9. kenduri-kendara sama-sama diramaikan:
10. bergotong-royong:
11. tanpa mengenal penat dan lelah:
12. meniti batas:
13. belalang:
14. mengumpan:
15. keli:
16. haruan:
17. ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni:
18. jernih:
19. bermandi-manda:
20. teman-teman sebaya:
21. puas:
22. menyelam:
23. siput:
24. lokan:
25. menghilir:
26. jaring:
27. patin:

28. jelawat:
29. limbat:
30. rezeki:
31. terdampar:
32. dinding jaring:
33. mengena:
34. haluan:
35. buritan:
36. separuh bongkok:
37. mengemudikan:
38. meluncur:
39. menoleh:
40. tersenyum:
41. berbunga harapan:
42. sayu:
43. menyara :
44. mengharungi:
45. terkambus:
46. berdengung:
47. mengatasi kesulitan:
48. termengah-mengah:
49. bersusah payah:
50. garisan penamat:

51. kelulusan yang cemerlang:

52. ijazah

53. mengusap kepala

54. perbaringan

55. makan gaji.

56. berdikari

---

### C. Soalan-soalan

1. Apakah yang dimaksudkan “ di tengah tiang yang kupanjat kini?” .
2. Apakah masalah yang perlu diatasi oleh “ aku ” ?
3. Bagaimanakah kehidupan “ kami ” yang dikatakan harmonis ?
4. Apakah yang dicari selepas bermain pasir ?
5. Ikan apakah yang hendak dijaring oleh “ ayah ” ?
6. Siapa yang berkayuh di hadapan dan siapa pula yang berkayuh di bahagian belakang ?
7. Apakah harapan ayah kepada “ aku ” ?
8. Mengapakah “ ayah ” mengharungi sungai ?
9. Siapakah nama “ aku ” yang sebenarnya ?
10. Apakah yang dimaksudkan dengan “ terkambus dalam

kenangan zaman yang sudah pergi ” ?

11. Apakah maksud “ Alhamdulillah, aku sampai juga di garisan penamat rupanya, walaupun aku tak berjaya mendapat kelulusan yang cemerlang ” ?
12. Apakah yang dibawa oleh “ aku ” kepada ayah?
13. Lengkapkan cerpen di atas dengan menggunakan pendapat anda sendiri.

(UNTUK AYAT 14 HINGGA 20)

Anda perlu menyebut semula ayat di bawah dengan menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksudnya.

14.

Guru : Aku rajin mengikut ayah.

Pelajar : .....

15.

Guru : Kenangan lampau tetap abadi.

Pelajar : .....

16.

Guru : Masa lampau telah pergi.

- Pelajar : .....
- 17.
- Guru : Masa depan belum pasti lagi.
- Pelajar : .....
- 18.
- Guru : Manisnya dunia kami itu, kami rasal berpanjangan.
- Pelajar : .....
- 19.
- Guru : Aku rajin mengikut ayah.
- Pelajar : .....
- 20.
- Guru : Aku rajin mengikut ayah.
- Pelajar : .....

Nama:  
Tahun: Dua  
Tarikh:

## Pelajaran 2

### A. Teks Bacaan

#### PERTEMUAN DALAM KERETA API

Jam di tangannya sudah hampir pukul 12.00 tengah hari. Perutnya terasa lapar. Karipap yang dibelinya sebelum naik kereta api di stesen Butterworth pagi tadi sudah habis dimakannya. Kejemuan memperhatikan pohon-pohan sepanjang perjalanan menyebabkan dia menguap berkali-kali.

“Boleh pak cik duduk di sini?” Satu suara garau mengejut Sazali daripada lamunannya.

“Oh, silakan, pak cik,” Sazali menjawab, dengan agak gugup.

“Terima kasih. Siapa nama anak?”

Dada Sazali berdebar-debar. Dia dilanda rasa takut, kalau-kalau orang tua itu kenal akan ayahnya.

“S...s... Sazali pak cik,” jawabnya tergagap-gagap.

“Sedap nama tu. Nama pak cik, Hasan. Orang biasa memanggil Pak Hasan.”

“Pak cik baru naik kereta api ni?” Sazali memberanikan diri bertanya.

“ Tidak. Pak cik di Butterworth. Pak cik nampak Sazali seorang diri sahaja dari tadi. Jadi pak cik datanglah untuk berbual-bual.”

Sazali kembali bimbang. Dia khuatir rahsianya akan terbongkar.

“ Wah, besar beg Sazali. Sazali nak ke mana?”

“ Kuala Lumpur,” jawab Sazali ringkas.

“ Kebetulan pak cik pun nak ke Kuala Lumpur. Sazali ada saudara di sana?”

Tidak ada jawapan dari mulut Sazali. Fikirannya tidak menentu. Nampaknya rahsia yang cuba disimpannya akan terbongkar juga.

“ Tak ada, pak cik.” Agak lama baru Sazali menjawab.

Pak Hasan terkejut mendengarnya.

“ Jadi, ke rumah siapa Sazali akan pergi nanti?”

“ Belum tahu lagi, pak cik.”

“ Apa yang Sazali nak buat di sana?”

“ Saya nak mencari kerja, pak cik.”

“ Mencari kerja?” Ayah Sazali sudah tahu?

“ Tidak, pak cik. Saya lari dari rumah.” Entah bagaimana rahsia yang dipendamnya selama ini tiba-tiba

sahaja meluncur dari mulutnya. Barangkali keramahan Pak Hasan menyebabkan dia tidak sanggup berbohong.

“ Mengapa Sazali lari dari rumah? Bukan mudah hendak mendapat kerja di Kuala Lumpur. Sazali masih terlalu muda. Banyak cabaran hidup di kota besar. Pak cik tak yakin Sazali akan mendapat kerja. Sijil apa yang Sazali bawa? ” Pak Hasan tidak selebut semasa mula-mula bertemu tadi.

“ Saya gagal SPM, pak cik. Ayah marah pada saya. Emak pun begitu. Saya sudah berusaha, tetapi nasib saya tidak baik. Jadi, saya rasa elok mencari kerja.” Sazali sudah tidak ragu-ragu meluahkan apa-apa yang terbuku di hatinya.

“ Ibu bapa Sazali marah bukan kerana benci, tetapi kerana sayang. Mereka ingin melihat Sazali berjaya dalam hidup.”

“ Tetapi saya sangat sedih, pak cik. Saya bukan sengaja untuk gagal.”

Sazali masih terbayang akan wajah ayah dan ibunya yang marah apabila melihat keputusan peperiksaan SPMnya. Malam itu juga dia memecahkan tabung buluhnya untuk pergi jauh dari keluarganya. Namun demikian hatinya

memang berat untuk meninggalkan ibu bapa serta adik-beradiknya. Dia sedar niatnya itu memang salah.

“ Ayah, ibu dan adik-beradik Sazali tentu bimbang dengan kehilangan Sazali. Kasihan mereka.” Pak Hasan mula melembutkan suara.

“ Saya rasa mereka suka saya tiada …” Sazali menyahut kata Pak Hasan. Tetapi dia sebenarnya tidak dapat menahan sebak di dadanya. Air matanya mula membasahi kelopak matanya.

“ Apabila sampai di Kuala Lumpur nanti, ikutlah pak cik ke rumah anak pak cik. Dia pegawai bank. Dulu dia pun pernah gagal dalam peperiksaan SPM. Pak cik pukul dia. Alhamdulillah dia lulus dengan cemerlang setahun kemudian.” Pak Hasan memujuk Sazali.

“ Kalau begitu, Pak Hasan lebih garang daripada ayah saya.” Sazali mula menyesal akan perbuatannya.

“ Tidak ada ibu bapa yang membenci anaknya. Hah, sudahlah, tu. Dari Kuala Lumpur nanti pak cik minta anak pak cik mengurus tiket Sazali pulang ke kampung. Minta maaf kepada ayah dan ibu. Pak cik akan membayarkan yuran peperiksaan untuk Sazali mengulang.”

Sazali tidak dapat menahan keharuannya. Secara

spontan dia memeluk Pak Hasan. Dia berhadapan dengan orang yang dapat menyedarkannya. Dia belajar untuk yakin kepada dirinya. Dia pasti bahawa ayah dan ibunya memang tidak membencinya.

(Diolah semula berdasarkan  
cerpen Sabarani Ghazali,  
“ Lajunya Kereta Api ” , Dewan siswa,  
Oktober, 1985, hlm. 14-16)

---

B. Soalan-soalan

1. Mengapakah, pada pandangan anda, Sazali berasa jemu sepanjang perjalanan dalam kereta api itu?
2. Apakah sebabnya Pak Hasan datang dan duduk dekat dengan Sazali?
3. Rahsia apakah yang cuba disembunyikan oleh Sazali daripada Pak Hasan?
4. Mengapakah Pak Hasan mengatakan bahawa tidak mudah mendapat kerja di Kuala Lumpur?
5. Bagaimanakan Sazali dapat membeli tiket kereta api yang dinaikinya?
6. Kenapa Sazali lari dari rumahnya?
7. Di Kuala Lumpur, Sazali tinggal di mana?

8. Siapakah yang mengurus tiket Sazali untuk pulang ke kampung asalnya?
9. Apakah pekerjaan anak Pak Hasan yang berada di Kuala Lumpur?
10. Siapa yang akan membayar yuran peperisaan untuk Sazali mengulangi peperiksaan SPMnya?
11. Dari stesen manakah Pak Hasan menaiki kereta api?
12. Apakah kuih yang dibeli oleh Sazali sebelum menaiki kereta api?
13. Kenapa Sazali berdebar-debar dan berasa takut dengan Pak Hasan?
14. Apakah saiz beg Sazali?
15. Kenapa Sazali tidak membawa sijil SPMnya?
16. Kenapa Sazali lari meninggalkan rumah?
17. Berapa kaliakah anak Pak Hasan menduduki peperiksaan SPMnya?
18. Apakah keputusan yang dicapai oleh anak Pak Hasan dalam peperiksaan yang diduduki pada kali kedua?
19. Kenapakah Sazali memeluk Pak Hasan?
20. Apakah pengajaran yang diperoleh oleh Sazali daripada nasihat Pak Hasan?

Nama: \_\_\_\_\_  
Tahun: Dua  
Tarikh: OKTOBER 1999

Pelajaran 3

### Uniknya keturunan Baba dan Nyonya

Di negara kita, ada segolongan masyarakat China yang unik kebudayaannya jika dibandingkan dengan masyarakat Cina yang lain. Mereka ini ialah keturunan Cina Peranakan atau lebih dikenali sebagai “Baba dan Nyonya Melaka.” Golongan ini masih lagi wujud dan masih mengekalkan identiti dan kebudayaan mereka yang tidak terdapat pada kaum Cina yang lain. Merekalah satu-satunya golongan masyarakat Cina yang banyak menerima unsur kebudayaan Melayu.

Menurut sejarah, kebanyakan pendatang Cina yang terawal berhijrah ke Tanah Melayu adalah daripada kelompok Hokkien. Mereka dikatakan meninggalkan keluarga masing-masing di negeri China untuk merantau dan mencuba nasib di negeri orang kerana keadaan mereka “seperti rumput di tepi jalan” di negeri sendiri. Pada waktu itu, kemakmuran dan kemasyhuran Melaka tidak berbanding. Hal ini kedengaran oleh mereka dan mereka pun berhijrah ke Melaka. Dengan demikian, wujudlah hubungan di antara Melaka dengan China.

Hubungan Melaka dengan China bukan setakat hubungan perdagangan sahaja. Hubungan yang sudah sedia terjalin itu menjadi semakin intim apabila sultan Melaka iaitu Sultan Mansur Syah mengahwini puteri raja China, Puteri Hang Li Po. Peristiwa-peristiwa ini seterusnya telah mempengaruhi dayang-sayang puteri itu dan pendatang-pendatang Cina yang lain untuk mengahwini orang-orang tempatan. Selain itu, pendatang-pendatang Cina ini terpikat juga oleh sikap terbuka dan

amalan orang-orang tempatan yang sebagai ‘aur dengan tebing’ itu. Dengan demikian, pergaulan di antara kedua-dua kaum dapat dipupuk dengan mudah. Akhirnya, sedikit demi sedikit pendatang-pendatang Cina itu mula terpengaruh oleh unsur-unsur kebudayaan Melayu.

Hakikat bahawa kebudayaan Baba ini terpengaruh oleh kebudayaan Melayu memang jelas kelihatan dalam beberapa perkara. Misalnya, dalam urusan pernikahan, upacara hantaran ialah suatu kemestian. Hantaran ini biasanya terdiri daripada sejenis bakul yang dikenali sebagai bakul sia dan dulang-dulang yang berisi pulut kuning bersama dengan rendang ayam,, sirih junjung, bunga telur serta bunga rampai dan sebagainya. Selain itu, pembawa hantaran yang terdiri daripada lelaki dan perempuan biasanya memakai baju batik dan kebaya sulam.

Dari segi hiburan, sudah ketahuan oleh umum bahawa keturunan Baba dan nyonya ini gemar berdondang sayang. Kemahiran mereka berbalas pantun pun sudah terbukti dan diakui. Malah, mereka pandai juga memainkan alat-alat musik tradisional seperti gendang dan gong untuk mengiringi persembahan dondang sayang. Selain berdondang sayang, mereka gemar juga akan tarian ronggeng atau joget dan tahu menarikan tarian tersebut.

1. **unik**: tidak sama dengan yang lain, istimewa.
2. **Baba dan Nyonya**: segolongan kaum Cina di Malaysia yang bertutur dalam bahasa Melayu sebagai bahasa pertamanya dan mengamalkan serba sedikit cara hidup orang Melayu.
3. **unsur**: bahagian, elemen.
4. **pendatang**: orang mendatang, orang asing, orang luar.
5. **berhijrah**: berpindah
6. **kemakmuran**: kemewahan, kesejahteraan.
7. **kemasyhuran**: kegemilangan, keagungan.